

CNS2267

R GB 30-04 00158 BA202

Aab

SIDANG KEMUNCAK BUMI BERKAITAN DEKLARASI KL, KATA PM

Mahathir - Bumi

KOTA KINABALU, 30 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusannya untuk menghadiri Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro adalah bagi mempertahankan apa yang disepakati pada Persidangan Menteri Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang berakhir di Kuala Lumpur semalam.

Persidangan itu telah menghasilkan Deklarasi Kuala Lumpur yang merumuskan pendirian bersama negara-negara membangun berhubung dengan isu alam sekitar dan pembangunan yang akan dirundingkan dengan negara maju di Brazil pada Jun ini.

+Walaupun kita masih merasa tidak senang hati dengan tindakan sesetengah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kerana komitmen kita kepada Deklarasi Kuala Lumpur ini, kita mesti mempertahankannya.+

+Kalau kita asingkan diri daripada deklarasi kita sendiri, maka tidak ada maknalah,+ katanya kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan tertutup selama 90 minit dengan pemimpin-pemimpin UMNO Sabah di sini hari ini. -- Lagi.

▼30/04/14-56MST

R GB 30-04 00163 BA203

Aab

Mahathir - Bumi 2 Kota Kinabalu

Wisma Putra semalam mengumumkan bahawa Dr Mahathir akan mengetuai delegasi Malaysia ke sidang kemuncak berkenaan yang akan berlangsung dari 3 hingga 14 Jun, selepas menimbangkan hasil persidangan di Kuala Lumpur itu.

Ketika menjawab pertanyaan, Perdana Menteri menegaskan keputusan untuk menghadiri sidang kemuncak itu bukan bermakna yang beliau telah mengubah pendiriannya.

+Ini bukan perubahan mendadak. Kita tidak hendak pergi ke Rio de Janeiro (sebelum ini) kerana sesetengah NGO bertujuan menjadikan sidang itu sasaran untuk mengecam Malaysia dan negara-negara membangun yang lain.

+Sebaliknya, kita terlibat secara langsung dengan persidangan menteri (yang berakhir semalam) di Kuala Lumpur dan (bersabit) Deklarasi Kuala Lumpur, Malaysia mengambil bahagian penting untuk membuat rumusannya,+,, tambahannya.

Oleh kerana Malaysia tidak dapat mengasingkan diri daripada deklarasinya sendiri, beliau mesti menghadiri sidang kemuncak itu, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia juga berpendapat komitmen negara-negara maju bersabit isu alam sekitar belum mencukupi. -- Lagi.

▼30/04/15-01MST

+Walaupun ada perwakilan negara maju yang hadir di persidangan di Kuala Lumpur itu menunjukkan sokongan kepada masalah yang dihadapi tetapi ada yang tidak membuat kenyataan mengenai komitmen mereka,+ kata beliau.

Mengenai cadangan penubuhan Tabung Penghijauan Dunia, Dr Mahathir berkata hal itu timbul daripada kekhawatiran terhadap tabung yang serupa yang ditadbirkan oleh Bank Dunia.

+Kita kluatir dengan tabung yang ditadbir oleh Bank Dunia itu kerana dalam tabung itu suara negara membangun begitu lemah. Sebab itu kita hendak ia (Global Green Fund) diadakan, satu tabung yang ditadbir secara demokratik dengan peranan negara membangun diambil kira,+ katanya lagi.

Pada prinsipnya, tambah beliau, ia bukan bertujuan untuk ditadbir oleh negara-negara membangun sahaja melainkan memberikan suara sama rata kepada setiap anggotanya.

Katanya, cadangan Malaysia ini telah dikemukakan pada persidangan di Kuala Lumpur dan telah dipersetujui walaupun tidak sepenuhnya, +tetapi kita akan berpegang kepada apa yang telah dipersetujui+.

Apabila ditanya mengenai cadangan semasa persidangan di Kuala Lumpur itu supaya beliau memimpin negara-negara Selatan ke persidangan Rio de Janeiro, beliau menjawab:

+Saya tidak tahu tentang saya nak jadi pemimpin negara-negara Selatan, tetapi saya akan menghadirinya sebagai wakil Malaysia.+ -- Bernama.